

EKSTREMISME MENURUT AHLI SUNNAH WAL JAMA'AH

Oleh:

Dr. Muhammad Rashidi bin Wahab

Ahli Jawatankuasa Haiah Jabatan Mufti Negeri Perak

&

Ketua Pusat Pengajian Usuluddin

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

Universiti Sultan Zainal Abidin

Majoriti umat Islam di Malaysia bahkan di seluruh dunia berpegang dengan Ahli Sunnah wal Jama'ah (ASWJ). Kajian oleh The Royal Islamic Strategic Studies Centre menunjukkan bahawa umat Islam ASWJ di dunia pada hari ini berjumlah 90 peratus. Dapatan ini selari dengan kenyataan para ulama Islam. Secara umumnya, ASWJ bermaksud kumpulan majoriti umat Islam yang mengikuti jejak langkah Rasulullah SAW, serta para sahabat, dalam memahami dan mempraktikkan Islam merangkumi aspek akidah, syariah dan tasawuf / akhlak. Secara khususnya pula, ASWJ merujuk kepada aliran Asha'irah dan Maturidiyyah dalam aspek akidah, empat mazhab (Hanafi, Maliki, Syafie dan Hanbali) dari aspek syariah, serta al-Ghazali dan Junayd al-Baghdadi dari aspek tasawuf.

Keadaan ASWJ ini menjadikan Malaysia sebuah negara yang seragam dan kukuh dalam pegangan beragama, seterusnya secara tidak langsung memberi sumbangan kepada kestabilan politik, masyarakat dan perpaduan ummah. Antara ciri penting ASWJ ialah wasatiyyah (adil-seimbang, sederhana). Maka mana-mana ajaran selain ASWJ adalah termasuk dalam golongan menyeleweng, yang mana antara ciri mereka ialah berfahaman dan bersikap ekstrem, sekaligus memberi ancaman kepada ketenteraman awam dan keselamatan negara. Ekstremisme dalam bahasa Arab dikenali sebagai *al-tatarruf*. Menurut Imam al-Ghazali dalam kitabnya *al-Iqtisad fi al-I'tiqad*, terdapat dua bentuk ekstremisme iaitu; pemikiran literal yang terlalu ketat (*al-ifrat*) dan pemikiran liberal yang terlalu longgar (*al-tafrit*).

Kedua-dua pemikiran ekstrem ini muncul semenjak awal Islam lagi. Pemikiran *al-ifrat* bermula dengan perbuatan bermudah-mudahan mengkafirkan orang Islam lain (*takfir*) yang dilakukan oleh golongan Khawarij dan Shi'ah. Cuma fokus perbincangan di sini kepada Khawarij kerana penyelewengan Shi'ah telah diketahui umum, di samping ideologi kumpulan radikal terkini seperti Islamic State of Iraq and Syria (ISIS)

mempunyai kesinambungan secara khusus dengan Khawarij. Secara rasminya, kemunculan Khawarij, begitu juga dengan Shi'ah, adalah berpunca daripada perselisihan berkaitan isu kepimpinan dalam memilih khalifah selepas kewafatan Rasulullah SAW. Perselisihan ini memuncak pada zaman 'Ali RA menjadi khalifah keempat sehingga berlaku beberapa siri peperangan.

Paling menonjol adalah peperangan Siffin antara tentera 'Ali RA dengan tentera Mu'awiyah RA. Namun peristiwa *tahkim* yang berlaku antara kedua-dua sahabat ini telah menyebabkan pengikut 'Ali RA berpecah kepada dua kumpulan. Satu kumpulan didapati bersetuju dengan 'Ali RA dan satu kumpulan lagi tidak bersetuju. Melalui beberapa tempoh, kumpulan yang tidak bersetuju bertindak meninggalkan 'Ali RA dan kemudiannya berkembang menjadi Khawarij. Manakala kumpulan yang bersetuju terus bersama 'Ali RA dan kemudian sebahagiannya berkembang menjadi Shi'ah. Perlu dicatatkan juga bahawa 'Ali RA menolak kedua-dua kelompok tersebut yang bersifat melampau, sekalipun Shi'ah sering menggunakan nama beliau bagi menyokong perjuangan mereka.

Dalam peperangan Siffin berkenaan, golongan Khawarij-lah yang mendesak 'Ali RA untuk menerima majlis *tahkim*. Tetapi setelah keputusan *tahkim* tersebut didapati tidak seperti apa yang diharapkan, mereka bertindak keluar daripada kumpulan 'Ali RA. Mereka menuntut agar 'Ali RA bertaubat kerana menerima *tahkim* yang dianggap suatu dosa besar bahkan menjadi kafir. Mereka juga mencaci-maki 'Ali RA dan 'Uthman RA, serta menuduh para pengikut keduanya adalah musyrik. Malah mereka turut mengkritik ucapan dan solat 'Ali RA serta umat Islam lain yang tidak bersama mereka. Melalui slogan "*tiada hukum kecuali hukum Allah*" (dikatakan bersumberkan ayat al-Quran), mereka mula memerangi 'Ali RA dan kaum Muslimin yang tidak sependapat dengan mereka.

Tindakan ini menunjukkan bahawa Khawarij juga merupakan aliran terawal yang memulakan idea *al-Hakimiyyah* dalam pemikiran Islam, dengan meletakkannya pada perkara akidah. Menurut Abu Zahrah dalam kitabnya *Tarikh al-Madhahib al-Islamiyyah*, Khawarij berhujah menggunakan zahir al-Quran dan hadis semata-mata, tanpa kefahaman yang betul, namun mereka meyakini bahawa itulah sebenarnya agama Islam yang suci dari Allah SWT, yang tidak boleh dilanggari oleh sesiapa pun.

Maka sesiapa yang tidak sependapat dengan mereka akan dihukum sebagai kafir. Mereka tidak teragak-agak menghalalkan darah orang Islam yang dikafirkan tersebut termasuklah melalui jalan peperangan. Malah mereka lebih bersikap lemah-lembut dengan orang kafir, sebaliknya sangat keras dengan sesama Muslim.

Sebenarnya tanda-tanda awal kemunculan Khawarij telah berlaku semenjak zaman Rasulullah SAW masih hidup lagi, iaitu berdasarkan kisah Dhu al-Khuwaisirah daripada Bani Tamim yang menuduh Rasulullah SAW tidak berlaku adil dalam pembahagian harta rampasan perang. Sedangkan Baginda-lah manusia paling adil, malah seorang Rasul yang menerima wahyu petunjuk (riwayat al-Bukhari). Justeru, dalam hadis yang lain, Rasulullah SAW turut menjelaskan tentang sifat atau ciri Khawarij ini dan mengingatkan seluruh umat Islam agar menjauhi dan menentang mereka, kerana Khawarij membawa kerosakan serta penyelewengan dalam agama Islam dengan pendekatan mereka yang ekstrem. Berikut beberapa hadis yang berkaitan dengan Khawarij yang bermaksud:

“Sesungguhnya akan datang selepas ini satu kaum yang membaca al-Quran namun tidak melebihi kerongkong mereka. Mereka keluar dari agama (Islam) seperti keluarnya anak panah dari busurnya. Mereka membunuh orang Islam dan membiarkan penyembah berhala. Jika aku mendapati mereka, nescaya aku akan bunuh mereka seperti dibunuh (diazab) kaum ‘Ad.”

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

“Akan datang pada akhir zaman satu kaum yang masih muda dan bodoh, mereka bertutur daripada sebaik-baik perkataan (iaitu al-Quran dan hadis). Mereka keluar dari Islam seperti mana anak panah keluar dari busurnya. Keimanan mereka tidak melebihi kerongkong mereka. Di mana saja kalian menjumpai mereka maka perangilah mereka. Sesiapa yang memerangi mereka maka akan mendapat pahala di hari kiamat.”

(Riwayat al-Bukhari)

Melalui tempoh yang panjang, sekalipun aliran dengan nama Khawarij telah tiada, namun pemikiran mereka dihidupkan kembali dengan jenama lain. Antaranya ialah Salafi-Wahabi, yang menggunakan pendekatan *takfir* secara melampau terhadap umat Islam yang tidak sependapat dengan mereka. Pemikiran *takfir* ini berpunca daripada metode Tauhid Tiga (tauhid *al-Rububiyyah*, *al-Uluhiyyah* dan *al-Asma' wa al-Sifat*). Disebabkan itu, jika diteliti sejarah kemunculan Salafi-Wahabi,

didapati mereka meluaskan pengaruh melalui kerjasama politik dan peperangan dengan alasan untuk memerangi bidaah dan menegakkan sunnah. Mereka telah menyerang dan membunuh umat Islam yang tidak sehaluan dengan mereka, termasuklah para ulama yang menentang gerakan dan pemikiran mereka.

Salafi-Wahabi turut menghukum perkara *khilafiyah* sebagai bidaah, sesat serta syirik, kerana ia dikatakan sebagai satu bentuk penyembahan atau peribadatan kepada selain Allah SWT dan penambahan terhadap perkara baharu sehingga merosakkan kesucian agama Islam. Lanjutan itu, muncul beberapa kumpulan ekstrem membawa pemikiran *takfir* dalam umat Islam berasaskan Khawarij dan Salafi-Wahabi seperti *Jama'ah al-Takfir wa la-Hijrah* sekitar tahun 1960-an hingga 1970-an. Maksud *al-Takfir* bererti mengkafirkan masyarakat umum yang dianggap sebagai masyarakat jahiliah, dan *al-Hijrah* bermaksud berhijrah daripada masyarakat jahiliah ke tempat lain bagi menegakkan Islam. Setelah itu, muncul beberapa lagi kumpulan ekstrem seperti al-Qaeda, dan di Nusantara seperti Jemaah Islamiah.

Dalam konteks semasa, ekstremisme ini datang secara lebih melampau dan tersusun dengan kemunculan kumpulan ISIS (DAESH). Mereka menggunakan pendekatan *takfir* secara melampau bagi membenarkan tindakan mereka berjihad membunuh sesiapa sahaja yang dianggap musuh Islam. Mereka telah menggunakan kembali pemikiran Khawarij dan Salafi-Wahabi, kemudian mempraktikkannya melalui ideologi: Tauhid Tiga - tauhid *al-Wala' wa al-Bara'* - tauhid *al-Hakimiyyah* - *takfir*. Ideologi ini seterusnya digabungkan dengan konsep jihad *qital* (perang dan bunuh) yang dirasakan benar oleh mereka. Dalam ertikata lain, sesiapa yang dihukum kafir oleh ISIS (DAESH) maka darah mereka halal ditumpahkan. Mereka yang terpengaruh dengan propaganda ini telah 'berhijrah' ke Syria.

Manakala kemunculan pemikiran *al-tafrit* pula dikaitkan dengan kumpulan Mu'tazilah yang dikatakan bermula ketika zaman Bani Umaiyah, tetapi giat menonjolkan fahaman mereka ketika zaman Bani 'Abbasiyyah dengan mendapat dukungan kuat beberapa orang khalifah antaranya al-Ma'mun (m. 218H), al-Mu'tasim (m. 227H) dan al-Wathiq (m. 232H). Para ulama berbeza pendapat tentang tarikh sebenar kemunculan Mu'tazilah. Pendapat yang dipegang oleh kebanyakan orang adalah Mu'tazilah berasal daripada Wasil ibn 'Ata' (m. 131H) yang menyanggah

gurunya iaitu Hasan al-Basri (m. 110H) dalam masalah pelaku dosa besar. Wasil ibn 'Ata' berpendapat bahawa pelaku dosa besar berada di tengah antara dua keadaan iaitu mereka bukan Mukmin dan bukan juga kafir.

Kedudukan pelaku dosa besar tersebut dikatakan berada di antara dua kedudukan iaitu *al-manzilah bayna al-manzilatayn*, tidak di syurga dan tidak di neraka. Berdasarkan pendapat ini, beliau meninggalkan majlis ilmu Hasan al-Basri dengan ditemani sahabatnya 'Amru ibn 'Ubayd (m. 144H). Berdasarkan kisah ini juga, mereka dinamakan sebagai Mu'tazilah kerana tindakan Wasil ibn 'Ata' mengasingkan diri (*i'tazala*). Selain nama Mu'tazilah, mereka turut digelar sebagai Qadariyyah, tetapi gelaran ini tidak disukai oleh mereka kerana terdapat hadis Rasulullah SAW yang mencela golongan Qadariyyah. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

"Qadariyyah adalah Majusi umat ini. Jika mereka sakit jangan ziarahi mereka, jika mereka mati jangan menjenguk (jenazah) mereka."
(Riwayat al-Hakim)

Menurut seorang tokoh Mu'tazilah iaitu al-Khayyat, seseorang itu tidak berhak dinamakan sebagai Mu'tazilah sehingga mereka mesti mengakui dan berpegang dengan lima prinsip atau dasar (*al-Usul al-Khamsah*). Lima dasar utama Mu'tazilah tersebut ialah; *al-tawhid*, *al-'adl*, *al-wa'd wa al-wa'id*, *al-manzilah bayna al-manzilatayn* dan *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahi 'an al-munkar*. Apabila telah sempurna lima asas ini, barulah mereka layak dinamakan sebagai Mu'tazilah yang sebenar. Memandangkan betapa pentingnya *al-Usul al-Khamsah* ini, maka para tokoh Mu'tazilah yang datang terkemudian berusaha untuk menghuraikan setiap prinsip tersebut secara terperinci, dan paling terkenal adalah huraian daripada 'Abd al-Jabbar dalam bukunya *Sharh al-Usul al-Khamsah*.

Rumusan daripada kelima-lima prinsip tersebut menunjukkan bahawa Mu'tazilah merupakan sebuah aliran yang mengutamakan rasional akal melebihi al-Quran dan hadis kecuali dalam beberapa persoalan yang tidak dapat diketahui melainkan daripada dalil *naqli* sahaja. Oleh itu, setiap persoalan yang timbul melibatkan akidah, akan dinilai mengikut rasional akal terlebih dahulu. Maka apa-apa yang dapat diterima oleh rasional akal akan dijadikan pegangan oleh mereka,

sedangkan apa-apa yang tidak dapat diterima oleh rasional akal akan ditolak atau ditakwilkan. Pendirian Mu'tazilah ini dilihat bersalahan dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud:

"Aku tinggalkan pada kamu dua perkara yang kamu tidak sesekali akan sesat selagi kamu berpegang teguh kepada keduanya iaitu: Kitab Allah (al-Quran) dan sunnah Nabi-Nya."

(Riwayat Malik)

Dalam menghuraikan prinsip kelima *al-amr bi al-ma'ruf wa al-nahi 'an al-munkar*, apa yang dimaksudkan oleh Mu'tazilah ialah wajib bagi setiap Muslim melakukan tindakan menyuruh kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran. Perbuatan ini bertujuan untuk menyebarkan dakwah Islam, memberi petunjuk kepada orang yang sesat dan mempertahankan Islam daripada serangan orang yang mencampurkan antara kebenaran dengan kebatilan. Melalui prinsip ini, mereka tidak teragak-agak untuk menggunakan kekerasan malah pembunuhan untuk menegakkan pendirian mereka, contohnya sebagaimana yang berlaku dalam isu kemakhlukan al-Quran. Mereka menyangka pandangan mereka paling benar dan memaksa orang Islam yang lain mengikut pegangan Mu'tazilah.

Dalam konteks hari ini, kelompok yang cuba membawa semula pendekatan mengutamakan rasional akal Mu'tazilah tersebut bahkan secara lebih melampau lagi ialah golongan Muslim Liberal. Mereka cuba membuat penafsiran semula terhadap al-Quran dan hadis agar selari dengan prinsip liberalisme yang dibawa oleh Barat. Justeru, banyak pandangan yang dikemukakan oleh mereka bercanggah sama sekali dengan tradisi keilmuan ASWJ. Antara ciri Islam Liberal ialah membawa idea sekularisme, dualisme dan dikotomi, kebebasan berijtihad dan menolak autoriti agama, mempromosi konsep pluralisme agama, penolakan terhadap syariah Islam dan menyokong wacana keserataan gender. Ramai rakyat Malaysia pada masa kini didapati terpengaruh dengan Islam Liberal ini.

Sebagai rumusannya, pendekatan *wasatiyyah* adalah penting untuk diketengahkan dalam mendepani pelbagai aliran pemikiran menyeleweng yang ekstrem iaitu *al-ifrat* dan *al-tafrit*. Para ulama ASWJ terbukti berjaya memelihara akidah umat Islam dengan manhaj tersebut sehingga agama Islam terus berkembang

pesat. Justeru, tradisi pendekatan *wasatiyyah* ini perlu dimanfaatkan sebaik yang mungkin pada zaman moden kini ketika berinteraksi dengan cabaran semasa yang ditimbulkan oleh golongan literal dengan sifat terlalu eksklusif dan golongan liberal dengan sifat terlalu inklusif. Kedua-dua golongan ini telah memberikan kekeliruan dan keraguan. Umat Islam di Malaysia perlu menyedarinya agar mereka terhindar daripada pemikiran ekstrem yang bertentangan dengan ASWJ.